

BELASUNGKAWA

Terima pendidikan awal di Parit

HM 24/5/05

14:5

ALOR STAR: Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof Datuk Dr Ahmad Fawzi Mohd Basri, 56, meninggal dunia di Hospital Selayang (HS), petang semalam.

Dr Fawzi dilahirkan pada 10 Mei 1949 di Kampung Belanja Kiri, Parit, Perak dan mendapat pendidikan awal di Sekolah Menengah Iskandar Syah, Parit, Perak; Sekolah Aminuddin Baki, Kuala Lumpur dan Sekolah Dato' Sri Amar Diraja, Muar, Johor.

Selepas itu, beliau meneruskan pengajian dalam bidang Sarjana Muda Sastera (BA (Hons) Universiti Malaya; Sarjana Sastera (MA), Universiti Malaya sebelum melanjutkan pengajian ke peringkat Doktor Falsafah (PhD) University of Hull, United Kingdom.

Allahyarham berkahwin dengan Datin Aishah Ibrahim dan dikurniakan empat anak, Dzulhilmi, 29, Dzuwairi, 27, Noor Ezdiani, 22, dan Noor Elyana, 18.

Dalam bidang ketenteraan khususnya Regimen Askar Wataniah, Allahyarham adalah Komander Regimen 513 Askar Wataniah, Kedah mulai 1 Februari 2000 dengan menyandang pangkat Kolonel.

Beliau juga ialah Pengerusi Jawatankuasa Penerbitan Buku Sejarah Askar Wataniah sempena sambutan 40 tahun Askar Wataniah pada 1998.

Dalam bidang profesional, Dr Fawzi ialah ahli



**DR AHMAD FAWZI...
meninggal dunia**

Institut Pengurusan Malaysia (MMIM) dan ahli Institut Pengurusan Personel United Kingdom (MinstPM).

Antara anugerah dan bintang kebesaran yang diterima beliau ialah Datuk Paduka Mahkota Perak (DPMP) pada 2000 dan Datuk Setia Diraja Kedah (DSDK) 2003.

Sementara itu, kenyataan Bahagian Perhubungan Awam UUM, Sintok, menyatakan, Dr Fawzi yang menghidap Sehticaemic Shock, dimasukkan ke Kedah Medical Centre pada 5 Januari lalu.

Beliau kemudian dipindahkan ke Hospital Selayang pada 26 Januari lalu, untuk rawatan lanjut sehingga meninggal kira-kira jam 4.45 petang semalam.

Jenazah Allahyarham akan dibawa pulang ke rumahnya di Lot 2, Kampung Muhibbah, Jitra dan dijangka dikebumikan kira-kira jam 11 pagi ini.